

Melodi merdu eratkan persahabatan Malaysia-China

Utm - 28/5/2007

SHANGHAI 25 Mei - Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein tidaklah arif dalam bidang nyanyian tetapi itu tidak menghalangnya untuk menghargai muzik.

"Kehidupan tanpa muzik dan budaya bukanlah satu kehidupan sebenarnya," katanya semasa melawat sebuah sekolah muzik di Beijing dan menyaksikan persembahan menggunakan instrumen muzik kuno China oleh para pelajarnya.

Dengan jari jemari ligat memainkan alat muzik bertali tujuh, dikenali sebagai *guqin* yang berusia 2,000 tahun, serta instrumen muzik seperti *pipa*, *yangjin* dan *erhu*, para pelajar penuh asyik mendengarkan rangkaian melodi lagu-lagu merdu.

Satu irama yang biasa kedengaran di telinga Hishammuddin dan timbalannya, Datuk Hon Choon Kim serta anggota rombongan tanah lagu riang, *Chan Mali Chan*.

Terpukau dengan kehebatan persembahan mereka, Hishammuddin mengundang para pelajar berkenaan untuk mengadakan persembahan di hadapan rakan sejawatannya dari ASEAN apabila Malaysia menjadi tuan rumah mesyuarat peringkat menteri Mac tahun depan.

Dalam rentak baru kerjasama antara Malaysia dan China, Hishammuddin menawarkan sekolah yang baru sahaja menyambut ulang tahunnya ke-40 baru-baru ini, untuk membantu mengubal kurikulum bagi dua sekolah seni yang akan dibina di Johor dan Sarawak.

Hubungan kerjasama yang dijangkakan itu mengakhiri lawatan Hishammuddin, yang membuka lembaran baru sebagai Menteri Pelajaran Malaysia pertama yang mengadakan lawatan rasmi ke China dalam tempoh 10 tahun.

Selain daripada sekolah muzik, beliau melawat sekolah sukan, sebuah sekolah menengah tinggi eksperimen dan sekolah istimewa bagi orang kurang upaya di Beijing untuk mempelajari kejayaan program mereka.

Beliau juga melawat Universiti Peking yang tersohor dan bertemu Presidennya, Profesor Xu Zhihong yang dalam satu temu ramah dengan *Bernama* menyifatkan lawatan Menteri Pelajaran Malaysia itu akan mengukuhkan kerjasama bidang pendidikan antara kedua-dua negara.

Sebelum itu, apabila Hishammuddin menemui mahasiswa yang mempelajari bahasa Melayu di Fakulti Pengajian Asing di Universiti Beijing, Hishammuddin membawa khabar gembira apabila mengundang kira-kira 50 penuntutnya melawat Malaysia untuk bersama-sama menyambut hari kemerdekaan negara yang ke-50 Ogos ini.